



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 20 MAC 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KAJI AKTA SEKAT WARGA ASING SEWA TANAH, USAHAKAN LADANG PERTANIAN, MINDA PEMBACA, BH -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SKIM BAHARU STRUKTUR INDUSTRI PADI DAN BERAS DIUMUM TIDAK LAMA LAGI, BH -ONLINE	
3.	SKIM BAHARU BAGI STRUKTUR SEMULA INDUSTRI PADI, BERAS TEMPATAN DIUMUMKAN DALAM MASA TERDEKAT, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
4.	HARGA BERAS PUTIH IMPORT TURUN RM2-RM3 BERMULA ESOK, HM -ONLINE	
5.	HARGA BERAS PUTIH IMPORT TURUN RM2 KE RM3 BERKUAT KUASA ESOK-KPKM, SH -ONLINE	
6.	MOHAMAD SABU TERIMA KUNJUNGAN HORMAT MENTERI LUAR ARGENTINA, PERSIJILAN HALAL ANTARA DIBINCANG, ASTRO AWANI -ONLINE	
7.	KERAJAAN STRUKTUR SEMULA INDUSTRI PADI, BERAS NEGARA, NEGARA, KOSMO -5	
8.	HARGA BERAS IMPORT TURUN RM2-RM3, MUKA DEPAN, BH -1	
9.	4 INISIATIF ATASI ISU KEKURANGAN BERAS, NASIONAL, BH -3	
10.	HARGA BERAS PUTIH IMPORT DITURUNKAN RM2 HINGGA RM3, DALAM NEGERI, UM -3	
11.	HARGA BERAS PUTIH IMPORT TURUN MULAI HARI INI, NASIONAL, SH -8	
12.	IMPORTED WHITE RICE CHEAPER BY UP TO RM3, NEWS, NST -6	
13.	NEW NATIONAL RICE RESTRUCTURING SCHEME ALMOST COMPLETED, NATIONAL, THE SUN -4	
14.	RETAIL PRICE OF IMPORTED WHITE RICE CHEAPER BY RM2 TO RM3, NATION, THE STAR -6	
15.	300,000 BENIH UDANG GALAH DILEPAS, NEGERI SEMBILAN, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
16.	350,400 BENIH UDANG GALAH DILEPASKAN, NEGARA, KOSMO -18	
17.	DUA BOT PUKAT VIETNAM ROMPAK HASIL LAUT DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -30	
18.	2,630 PESAWAH DI KELANTAN TERJEJAS AKIBAT KEMARAU, NASIONAL, BH -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
19.	KEMARAU: PESAWAH RUGI RM50,000, DALAM NEGERI, UM -29	
20.	200 HEKTAR SAWAH ROSAK!, LOKAL, HM -8	
21.	2,630 PESAWAH KELANTAN TERJEJAS, LOKAL, HM -8	
22.	TIMUN CINA, MUKA DEPAN, UM -1	LAIN-LAIN
23.	PETANI PEROLEH REZEKI BERGANDA JUAL TEMBIKAI, DALAM NEGERI, UM -32	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kaji akta sekat warga asing sewa tanah, usahakan ladang pertanian

M Faisal,
Kuala Lumpur

Isu warga asing mengusahakan sendiri tanah pertanian kerap mendapat liputan khas pihak media massa. Hal ini menunjukkan keseriusan perkara yang tidak sepatutnya berlaku, namun sudah melarat hampir seluruh Semenanjung.

Pada awalnya pekerja asing terpaksa dibawa masuk berikutan kekurangan tenaga kerja dalam sektor pertanian. Namun, isu ini masih tidak selesai, malah timbul pula masalah baharu apabila pekerja asing bertindak menjadi usahawan tani sehingga mengancam perituk nasi petani tempatan.

Warga asing tidak hanya menceroboh tanah kerajaan, malah turut menyewa tanah penduduk. Membiarkan warga asing berstatus pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), termasuk PLKS sektor pertanian mengusahakan sendiri kebun sayur dengan menyewa tanah adalah tidak sihat untuk sekuriti makanan negara dalam jangka masa panjang.

Selain itu, jika perkara sebegini dibenarkan berleluasa besar kemungkinan mereka tidak akan balik ke negara asal lagi kerana ada pendapatan tetap hasil kebun sayur.

Penguasaan warga asing terhadap ekosistem bekalan sayur sehingga membentuk kariej juga boleh menyebabkan mereka rasa kebal undang-undang walaupun melanggar peraturan imigrasi kerana mungkin beranggapan pihak berkuasa serba salah untuk bertindak kerana boleh menjajakan bekalan sayur. Malah sekarang juga sudah ada warga asing dilaporkan terlibat dalam bidang perternakan seperti berlaku di Selangor.

Sama seperti undang-undang anti-Ali Baba, kerajaan diminta mengkaji undang-undang dan pe-

raturan bagi menyekat warga asing tidak kira sama ada pemegang PLKS, penduduk tetap (PR) atau berstatus pelajar daripada kalangan etnik Rohingya daripada menyewa tanah milik rakyat untuk mengusahakan sendiri kebun sayur. Kerajaan negeri mungkin boleh mengenakan sekatan kepada geran pertanian bagi mengelak tanah disewa kepada warga asing.

Kerjasama rentas agensi

Selain itu, kerajaan perlu mengkaji kesesuaian negara sumber bagi membekalkan pekerja untuk sektor pertanian, terutama dari Bangladesh yang kerap dilaporkan terlibat dalam aktiviti mengusahakan sendiri tanah pertanian. Ini bagi memastikan pekerja asing diambil untuk sektor ini benar-benar bekerja dengan petani tempatan.

Kerjasama rentas agensi kerajaan negeri dan Pusat, termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKCN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan

Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat diperlukan seperti yang pernah dilaksanakan di Cameron Highlands sebelum ini bagi mengesan dan menegakan tindakan terhadap warga asing yang menceroboh tanah kerajaan dan hutan simpan untuk dijadikan kebun sayur.

Pihak berkuasa perlu adil kerana jika penceroka rakyat tempatan yang menceroboh tanah kerajaan boleh dikenakan tindakan dan tidak ada sebab warga asing dibiar terlepas begitu sahaja.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diharapkan meluaskan lagi program geran agropreneur muda bagi menggalakkan generasi baharu menyertai sektor ini sebagai pernerus legasi petani terdahulu dan mengurangkan kebergantungan kepada warga asing.

Pengalangan teknologi terkini seperti penggunaan dron, sistem fertigasi moden, internet pelbagai benda (IoT) dapat menjadi daya penarik kepada golongan belia menyertai sektor pertanian.



nas.

Pantau aktiviti murid

Selain itu, kegiatan yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas perlu dipantau bagi memastikan kesihatan mereka tidak terjejas dan memastikan bekalan air minuman bersih mencukupi di institusi pendidikan bawah KPM dan menggalakkan murid membawa air minuman sendiri, bagi yang tidak berpuasa atau murid bukan Islam.

"Murid perlu dinasihati dan digalakkan mengambil air minuman dalam kuantiti yang sesuai bagi mengawal suhu badan serta air minuman perlu dibekalkan kepada murid asrama sekiranya keadaan kritikal dan tiada sumber lain, bagi mendapatkan air minuman.

"JPN, PPD dan semua institusi KPM perlu sentiasa berwaspada serta bekerjasama dengan klinik dan hospital berdekatan, sekiranya berlaku sebarang komplikasi ke atas murid akibat cuaca panas," katanya.

Tegasnya, KPM mengambil berat mengenai kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan seluruh warganya.

2,630 pesawah di Kelantan terjejas akibat kemarau

air alternatif.

"Selain itu, pihak KADA juga memasang beberapa pam sokongan di kawasan sungai yang berhampiran," katanya ketika dihubungi.

Alami kerugian tinggi

Terdahulu, lebih 50 pesawah yang mengusahakan tanah padi seluas lebih 200 hektar di Kampung Aur Duri, di sini, dilapor-kan buntu apabila sebahagian besar tanaman berkenaan rosak akibat ketiadaan air berikutan musim kemarau kini.

Pesawah terabit mendakwa sebahagian besar tanaman padi yang diusahakan mereka sejak Disember lalu itu mulai rosak sejak dua minggu lalu, manakala

Kota Bharu: Seramai 2,630 pesawah di Kelantan terjejas akibat ketiadaan air berikutan musim kemarau yang melanda ketika ini.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Muhammad Husin, berkata mereka termasuk pesawah di tiga kawasan Pejabat KADA Jajahan (PKJ) membabitkan Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan dan Bachok yang terjejas teruk.

Selain itu, beliau berkata, sebilangan kecil pesawah di kawasan PKJ Tumpat, Pasir Mas dan Pasir Puteh turut terjejas.

"Pesawah berkenaan terpaksa mendapatkan bekalan air dari pada sumber telaga tiub di bendang, terutama bagi kawasan yang tidak mempunyai sumber



Pesawah menunjukkan tali air yang kering kontang akibat kemarau di Kampung Aur Duri, di Pasir Puteh, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

sebahagian lagi hanya mampu bertahan seminggu, menyebabkan masing-masing kerugian puluhan ribu ringgit.

Mengulas lanjut, Muhammad berkata, antara usaha jangka pendek KADA bagi menangani isu berkenaan ialah menyedaikan sejumlah peruntukan bagi pembinaan telaga tiub.

Selain itu, beliau berkata, KADA juga membekalkan *backward pump*, pam mudah alih dan ban-tuan diesel bagi kegunaan petani di kawasan yang dilanda bencana kemarau.

"KADA juga sudah membina pam-pam sokongan di kawasan yang mempunyai sumber air," katanya.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

**MUKA
SURAT**

20/3/2024

BERITA HARIAN

ONLINE

Skim baharu struktur industri padi dan beras diumumkan tidak lama lagi



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, menjawab soalan pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, hari ini. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memperkenalkan satu skim baharu bagi menstruktur semula industri padi dan beras

tempatan sebagai penyelesaian jangka panjang.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata perincian mengenai skim berkenaan akan diumumkan dalam masa terdekat.

Ketika ini, katanya, KPKM giat giat mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pemegang taruh meliputi petani sehingga ke persatuan peladang bagi mengumpul maklumat menjayakan skim baharu berkait hal ehwal padi dan beras tempatan.

"Kita sedang melakukan libat urus secara intensif bersama petani dan persatuan peladang. Semua memberi pandangan masing-masing. Semua itu kita akan umumkan dalam dua tiga hari ini mengenai satu skim baharu.

"Ia satu (pelan tindakan) jangka panjang yang lebih kepada penstrukturan semula industri beras dan padi negara.

"Semuanya akan kita buat libat urus termasuk dengan ahli Parlimen supaya semua memberi pandangan kerana ini masalah negara, bukannya parti mana, bukan masalah kaum.

"Ia masalah negara yang memerlukan tuntutan bersama," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, hari ini.

Mohamad berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) yang mahu KPKM menjelaskan tindakan luar biasa bagi menangani isu bekalan beras putih tempatan (BPT) yang sukar didapati di pasaran ketika ini.

Mohamad berkata, polemik akan berterusan jika kerajaan tidak mencukupkan stok beras negara dan itu sebabnya KPKM merancang tindakan menyusun semula industri beras dan padi negara.

Katanya, pengeluaran BPT hanya 62 peratus beras di Malaysia manakala pihak seperti zakat, kontrak kerajaan, hospital, balai polis, sekolah, asrama dan sebagainya menggunakan BPT, menyebabkan yang untuk edaran tinggal kira-kira 50 peratus.

"Masalah bekalan menjadi masalah buat sementara dan kita kena susun semula. Penyusunan industri beras dan padi ini dilakukan pada 1980-an dahulu yang mana lahirnya Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) dan sebagainya.

"Tahun ini, kita akan buat penyusunan baharu dan akan diumumkan tidak lama lagi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Skim baharu bagi struktur semula industri padi, beras tempatan diumumkan dalam masa terdekat



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu hadir pada Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. Foto AFFAN FAUZI, 24 MEI 2023.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memperkenalkan skim baharu bagi menstruktur semula industri padi dan beras tempatan dalam

masa terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ketika ini, KPKM giat mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pemegang taruh meliputi petani sehingga ke persatuan peladang dalam usaha mencari langkah penyelesaian jangka panjang.

Menurut beliau, ia bagi mengumpul maklumat bagi melaksanakan skim baharu berkait hal ehwal padi dan beras tempatan di negara ini.

“Tahun ini kita akan buat penyusunan baru dan sedang melakukan libat urus secara intensif bersama semua pihak, petani, pengilang dan persatuan peladang.

“Semua memberi pandangan mereka dan kita akan umumkan dalam dua tiga hari ini mengenai satu skim baharu.

“Tetapi jangka panjangnya yang lebih kepada penstrukturan semula industri beras dan padi negara dan semuanya terlibat termasuk dengan ahli Parlimen supaya semua memberi pandangan kerana ini masalah negara, bukannya parti mana, bukan masalah kaum yang memerlukan tuntutan bersama,” katanya di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Mohamad berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri yang mahu KPKM menjelaskan langkah luar biasa bagi menangani isu bekalan beras putih tempatan (BPT) yang sukar didapati di pasaran ketika ini. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Harga beras putih import turun RM2 - RM3 bermula esok



Kuala Lumpur: Kerajaan menerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bersetuju supaya harga jualan runcit beras putih import (BPI) diturunkan antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa esok.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan hari ini memaklumkan, semua stok semasa padi dan beras yang sudah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik pula dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta merta.

Katanya, keputusan berkaitan Pelarasan Harga Beras Putih Import (BPI) serta BPT itu dimuktamadkan melalui mesyuarat NACCOL Bil 1/2024 yang berlangsung hari ini.

"Kerajaan optimis inisiatif ini dapat membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup terutamanya semasa bulan Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang.

"Sesungguhnya keputusan ini mencerminkan komitmen utuh kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat dan seterusnya memperkukuhkan agenda keterjaminan makanan negara," katanya.

Kementerian itu memaklumkan, seiring keputusan supaya 14,000 tan metrik BPT diproses serta merta, KPKM akan meningkatkan penguatkuasaan melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara.

"Dalam meluaskan jaringan pengedaran BPT, aktiviti Jualan Agro MADANI yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program," katanya.

Katanya, kerajaan turut bersetuju semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI, sekaligus membolehkan bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran pada April ini.

"Kesemua langkah ini akan dapat meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran.

"KPKM juga akan meneruskan perbincangan bersama semua pemegang taruh untuk memperhalusi pelan tindakan jangka panjang bagi struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik untuk memastikan industri padi dan beras adalah mampan.

"...terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Harga beras putih import turun RM2 ke RM3 berkuat kuasa esok - KPKM



Harga jualan runcit BPI turun antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa esok. Foto hiasan



PUTRAJAYA - Harga jualan runcit Beras Putih Import (BPI) turun antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa esok, menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Pada masa ini harga runcit BPI di pasaran dijual sekitar RM38 hingga RM45 untuk pek 10 kilogram (kg) dan dengan pengumuman pelarasan harga baharu, jangkaan harga runcit BPI turun ke RM35 untuk pek yang sama.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan hari ini berkata, keputusan itu yang dimuktamadkan melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), dibuat bagi menangani isu kekurangan Beras Putih Tempatan (BPT) di pasaran susulan pelarasan harga BPI oleh Bernas pada 1 September lepas.

"Sehubungan itu bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah, kerajaan melalui Mesyuarat NACCOL bersetuju supaya penurunan harga jualan runcit BPI antara RM2 hingga RM3 di pasaran dilaksanakan.

"Kerajaan optimis inisiatif ini dapat membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup terutamanya semasa Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang," katanya.

Selain itu Mohamad berkata, bagi meningkatkan pengedaran BPT di pasaran, kerajaan memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta merta.

"Justeru KPKM akan meningkatkan penguatkuasaan melalui Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara.

"Dalam meluaskan jaringan pengedaran BPT, aktiviti Jualan Agro Madani yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program," katanya.

Menurut Mohamad, kerajaan turut bersetuju agar semua Kontrak Kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI.

Melalui kaedah itu bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran pada April ini.

"Kesemua langkah ini akan dapat meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran," katanya.

Beliau berkata, dalam masa yang sama, KPKM juga akan meneruskan perbincangan bersama semua pihak berkepentingan untuk memperhalusi pelan tindakan jangka panjang bagi struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik.

Menurutnya, ini bagi memastikan industri padi dan beras adalah mampan terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara.

"Sesungguhnya keputusan ini mencerminkan komitmen utuh Kerajaan Madani dalam menjaga kebajikan rakyat dan memperkukuhkan agenda keterjaminan makanan negara," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Mohamad Sabu terima kunjungan hormat Menteri Luar Argentina, persijilan halal antara dibincang



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menerima kunjungan hormat Menteri Luar Argentina Diana Mondino. - Foto Facebook KPKM

KUALA LUMPUR: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menerima kunjungan hormat Menteri Luar Argentina Diana Mondino, semalam.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan (KPKM) dalam kenyataan hari ini memaklumkan pertemuan sulung antara kedua-dua pemimpin tersebut, diadakan bagi membincangkan kerjasama dalam perdagangan dua hala, persijilan halal serta sektor penternakan dan pertanian.

Menurut kenyataan KPKM, Mohamad mengalu-alukan sebarang kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pemodenan pertanian, selain menekankan potensi beberapa produk Malaysia untuk dieksport ke negara Amerika Selatan itu, seperti produk nilai tambah haiwan dan makanan haiwan berasaskan protein serangga yang diproses.

Wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang turut menghadiri pertemuan tersebut, turut menawarkan bantuan latihan dan konsultasi kepada badan pensijilan halal di Argentina, dalam pematuhan standard halal Malaysia, bagi melancarkan proses permohonan pengiktirafan halal JAKIM.

"Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menyatakan hasrat untuk memperbaharui kerjasama sedia ada antara MARDI dan Institut Teknologi Pertanian dan Ternakan Negara Argentina (INTA), melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada Oktober 2019 dan akan tamat pada Oktober, tahun ini.

"Mondino menyambut baik makluman tersebut dan menyatakan bahawa terdapat banyak lagi potensi kerjasama yang boleh diterokai melalui MoU antara kedua-dua pihak," menurut kenyataan itu.

Menurut KPKM, Mohamad juga menjemput Mondino untuk menghadiri Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang akan diadakan September ini, serta mengundang penyertaan Argentina dalam acara dwitahunan tersebut.

-- BERNAMA

Kerajaan struktur semula industri padi, beras negara

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memperkenalkan skim baharu bagi menstruktur semula industri padi dan beras tempatan sebagai penyelesaian jangka panjang tidak lama lagi.

Menternya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perincian mengenai skim itu akan diumumkan dalam masa terdekat.

Ini kerana katanya, pada ketika ini, KPKM giat mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pemegang taruh meliputi petani hingga ke persatuan peladang bagi mengumpul maklumat untuk menjayakan skim baharu itu.

"Kita sedang melakukan libat urus secara intensif dengan petani dan persatuan peladang. Semua memberi pandangan masing-masing. Semua itu kita akan umumkan dalam dua tiga hari ini mengenai skim baharu.

"Ini (pelan tindakan) jangka panjang yang lebih kepada penstrukturian semula industri beras dan padi negara. Semuanya akan kita buat libat urus bersama dengan Ahli Parlimen supaya semua memberi pandangan kerana ini masalah negara, bukannya parti mana, bukan



MOHAMAD menjawab pertanyaan di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur semalam. - JABATAN PENERANGAN

masalah kaum," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Rosol Wahid (**PW-Hulu Terengganu**) yang ingin tahu tindakan luar biasa KPKM bagi menangani isu bekalan beras putih tempatan (BPT) yang sukar diperolehi ketika ini.

Mohamad berkata, polemik akan berterusan jika kerajaan

tidak mencukupkan stok beras negara dan itu sebabnya KPKM merancang tindakan menyusun semula industri beras dan padi negara.

"Pengeluaran BPT hanya 62 peratus beras di Malaysia manakala pihak seperti zakat, kontrak kerajaan, hospital, balai polis, sekolah, asrama dan sebagainya menggunakan BPT mungkin menyebabkan untuk edaran tinggal kira-kira 50 peratus.

20/8/2024

BERITA
HARIANMUKA
DEPAN

1

Isu kekurangan bekalan beras

Harga beras import turun RM2-RM3

- Kerajaan umumkan harga Beras Putih Import (BPI) turun antara RM2 hingga RM3 mulai hari ini
- Semua kontrak kerajaan akan menggunakan sepenuhnya BPI membolehkan tambahan 20,000 tan Beras Putih Tempatan diedarkan di pasaran mulai April
- Pengilang diarah proses serta-merta 140,000 tan padi yang sudah dibeli untuk pasaran tempatan
- Aktiviti jualan Agro MADANI oleh FAMA dan LPP akan diperluas dari segi lokasi dan kekerapan program

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosli** → **Nasional 3**



4 inisiatif atasi isu kekurangan beras

Harga Beras Putih Import turun, perluas aktiviti jualan Agro MADANI antara langkah disetujui

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan semalam mengumumkan empat inisiatif untuk mengatasi isu kekurangan beras dalam pasaran.

Keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2024 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini, semalam.

Antara keputusan dicapai, kerajaan bersetuju supaya harga jualan runcit Beras Putih Import (BPI) diturunkan antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa hari ini.

"Bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah, kerajaan melalui mesyuarat NACCOL bersetuju supaya penurunan harga jualan runcit BPI di antara RM2 hingga RM3 di pasaran dilaksanakan berkuat kuasa pada Rabu, 20 Mac 2024.

"Kerajaan optimis inisiatif ini dapat bantu rakyat kurangkan kos sara hidup terutamanya semasa bulan Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang," kata Menteri Pertanian dan Keamanan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan petang semalam.

Kementerian itu turut mengumumkan bagi meningkatkan pengedaran BPT, aktiviti Jualan



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2024 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto: Ihsan Pejabat Perdana Menteri)

(BPT) di pasaran, kerajaan memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta merta.

Langkah lain, kerajaan turut bersetuju semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI, sekali gus membolehkan bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran mulai bulan depan.

Jualan MADANI diperluas

Jualan MADANI diperluas

Agro MADANI yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga akan diperluaskan dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program.

KPKM memberi jaminan akan meningkatkan penguatkuasaan melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara bagi memastikan semua inisiatif diumumkan dilaksanakan sepenuhnya.

"Sesungguhnya keputusan ini mencerminkan komitmen utuh kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat dan seterusnya memperkukuhkan agenda ketenteraman makanan negara.

"Semua langkah ini akan dapat meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran.

"KPKM juga akan meneruskan perbincangan bersama semua pemegang taruh untuk memperhalusi pelan tindakan jangka panjang bagi struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik untuk memastikan industri padi dan beras adalah mampan.

"Ja terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara," katanya.

20/8/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

3

Semua stok semasa padi tempatan dipasarkan serta-merta

Harga beras putih import diturunkan RM2 hingga RM3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan memutuskan untuk melaraskan Harga Beras Putih Import (BPI) dengan menurunkan harga jualan runcit di antara RM2 hingga RM3 di pasaran bagi pek 10 kilogram berkuat kuasa hari ini.

Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, keputusan itu dimuktamadkan melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) semalam bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah.

Mesyuarat berkenaan yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut memutuskan supaya semua

stok semasa padi dan beras yang dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

Langkah itu untuk meningkatkan pengedaran beras putih tempatan (BPT) bagi menangani isu kekurangan bekalan di pasaran susulan pelarasan harga BPI oleh BERNAS pada 1 September 2023.

"Justeru, Kementerian akan meningkatkan penguatkuasaan melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara.

"Dalam meluaskan jaringan pengedaran beras putih tempatan, aktiviti Jualan Agro Madani yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan

dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program," katanya di sini, semalam.

Pada masa sama, Mohamad berkata, kerajaan turut bersetuju agar semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI.

Sehubungan itu, melalui kaedah ini, bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedaran sepenuhnya di pasaran pada April depan.

"Kerajaan optimis inisiatif ini dapat membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup utamanya semasa bulan Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang.

"Kesemua langkah ini akan dapat meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang

lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran," katanya.

Dalam pada itu, menurut beliau, kementeriannya juga akan meneruskan perbincangan bersama semua pemegang taruh untuk memperhalusi pelan tindakan jangka panjang bagi struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik.

Ini bagi memastikan industri padi dan beras adalah mampan terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara.

"Keputusan ini mencerminkan komitmen utuh Kerajaan Madani dalam menjaga kebajikan rakyat dan seterusnya memperkuatkan agenda keterjaminan makanan negara," katanya.

Jangkaan harga runcit BPI turun ke RM35 untuk pek 10kg

PUTRAJAYA

Harga jualan runcit beras putih import (BPI) turun antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa hari ini, menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Pada masa ini harga runcit BPI di pasaran dijual sekitar RM38 hingga RM45 untuk pek 10 kilogram dan dengan pengumuman pelarasan harga baharu, jangkaan harga runcit BPI turun ke RM35 untuk pek yang sama.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan pada Selasa berkata, keputusan itu yang dimuktamadkan melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), dibuat bagi menangani isu kekurangan Beras Putih Tempatan (BPT) di pasaran susulan pelarasan harga BPI oleh Beras pada 1 September lepas.

"Sehubungan itu bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah, kerajaan melalui Mesyuarat NACCOL bersetuju runcit BPI antara RM2 hingga RM3 di pasaran dilaksanakan.

"Kerajaan optimis inisiatif ini dapat membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup terutamanya semasa Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang," katanya.

Selain itu, Mohamad berkata, bagi meningkatkan pengedaran BPT di pasaran, kerajaan memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pelanggan berjumlah 140,000 tan metrik dan dikeluarkan untuk diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

"Justeru KPKM akan meningkatkan penguatkuasaan melalui Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara.

Harga beras putih import turun mulai hari ini



Pada masa ini harga runcit BPI di pasaran dijual sekitar RM38 hingga RM45 untuk pek 10 kilogram dan dengan pengumuman pelarasan harga baharu, jangkaan harga runcit BPI turun ke RM35 untuk pek yang sama.

"Dalam meluaskan jaringan pengedaran BPT, aktiviti Jualan Agro Madani yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program," katanya.

Menurut Mohamad, kerajaan bersetuju agar semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI.

Melalui kaedah itu bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000

struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik.

Menurutnya ini bagi memastikan industri padi dan beras adalah mampan terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara.

"Sesungguhnya keputusan ini mencerminkan komitmen utuh Kerajaan Madani dalam menjaga kebajikan rakyat dan memperkukuhkan agenda ke-terjaminan makanan negara," katanya. - *Bernama*

COST OF LIVING INITIATIVE

IMPORTED WHITE RICE CHEAPER BY UP TO RM3

Retail price cut by between RM2 and RM3 from today

PUTRAJAYA

THE retail price of imported white rice (BPI) will be reduced by between RM2 and RM3 from today.

According to a statement from the Agriculture and Food Security Ministry, the decision was finalised during the National Action Council on Cost of Living (Naccol) meeting yesterday.

The ministry said it has implemented various measures to manage the shortage of local white rice (BPT) in the market following the adjustment of BPI price by Padiberas Nasional Bhd (Bernas) on Sept 1, last year.

In order to increase people's access to rice at a reasonable price, the government, through the Naccol meeting, agreed that a reduction in the retail selling price of BPI of between RM2 to RM3 in the market will take effect today.

The ministry expressed optimism that this initiative would

... All current stocks of padi and rice purchased by manufacturers amounting to 140,000 metric tonnes can be processed and released for use in the local market immediately.

AGRICULTURE AND FOOD SECURITY MINISTRY

help people reduce the cost of living, especially during the month of Ramadan and the upcoming festive season.

"To increase the distribution of BPT in the market, the government has decided that all current stocks of padi and rice purchased by manufacturers amounting to 140,000 metric tonnes can be processed and released for use in the local market immediately.

"The ministry will increase enforcement through state Padi and Rice Regulatory Boards throughout the country.

"Madani Agro Sales implemented by the Federal Agricul-

tural Marketing Board and the Farmers' Organisation Authority will be expanded in terms of location and increased programme frequency."

The ministry said the government had also agreed that all government contracts fully adopt the use of BPI.

Through this method, the additional supply of 20,000 metric tonnes of BPT can be fully distributed in the market next month.

"These measures will increase the availability of rice to the people through the sale of BPI at a lower price, as well as the increase of BPT in the market.

"The ministry will also continue discussions with stakeholders to refine a long-term action plan for a more realistic rice production cost structure to ensure that rice supply and the rice industry are sustainable, especially in safeguarding the interests and welfare of padi farmers and increasing the country's rice production productivity.

"This decision reflects the full commitment of the Madani Government in looking after the people and further strengthening the national food security agenda."

New national rice restructuring scheme almost completed

KUALA LUMPUR: The national rice restructuring scheme will be announced soon after the government has finished getting input from all parties through an engagement session.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the new scheme was necessary to increase supply because local white rice production was only at 62% in the country, with 50% distributed to the market.

"This is a long-term arrangement because the white rice supply issue will remain a problem as long as we do not have enough rice in Malaysia. All parties, including MPs, will be involved in the engagement session so that they can give their views. This is a national problem that demands a joint solution because who would have thought that the current hot weather could cause production loss," he said when



Sabu said the scheme was necessary to increase supply as local white rice production was only at 62%.

— **ADIB RAWI YAHYA/THE SUN**

replying to a question from Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) in the Dewan Rakyat yesterday.

Mohamad said the ministry plans to open new padi farms in Sarawak, Sabah, Johor, Perak and Pahang to further increase the supply of white rice in the country.

Replying to a supplementary

question from Isnaraissah Munirah Majilis (Warisan-Kota Belud), who wanted to know if the government plans to give money to farmers affected by the current hot and dry season in Kota Belud and Papar, Mohamad said the matter is subject to the assessment of the Rice Crop Disaster Fund committee.

"Through this fund, padi farmers are given RM876 per hectare, with the maximum amount of aid limited to the destroyed area of three hectares. Last year, a total of RM12 million was channelled and for Sabah, it involved an area of 219ha, especially in Kota Belud." — Bernama

Retail price of imported white rice cheaper by RM2 to RM3

PUTRAJAYA: The retail prices of imported white rice (BPT) will be reduced between RM2 and RM3 effective today, said the Agriculture and Food Security Ministry (KPKRM).

The current retail price of BPT in the market is between RM38 to RM45 for a 10kg pack and with the announcement of the new price range, 10kg pack imported white rice will be reduced to RM35.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Shau said in a statement yesterday that the decision was finalised through the National Action Council on Cost of Living (Naccol) to overcome the shortage of local white rice (BPT) in the market following the announcement for BPT prices by Bernas on Sept 1, 2023.

"In order to enable the people to buy rice at a reasonable price, the government through the Naccol meeting agreed to reduce the prices of BPT by RM2-RM3 in the market."

"The government remains optimistic that the initiative will be able to ease the people's cost of living during the Ramadan month and festive season," he said in a Bernama report based on the statement.

Mohamad Shau added that in the market the government has decided that all current available stock of paddy and rice that has been bought by the factories, amounting to 140,000 tonnes, can be processed and distributed for the local market.

Therefore, KPKRM will increase the government's share through its Paddy and Rice Control Section (Kawalselia Padi dan Beras) throughout the country, in expanding the distribution network for BPT. Agro Madani Sales will be initiated by the Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) and the National Farmers Organisation (LPP) on a more frequent basis," he said.

"All these efforts reflect the government's commitment to ensure food security in the country," he said.

300,000 benih udang galah dilepas

SEREMBAN - Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) melepaskan 300,000 benih udang galah ke tujuh sungai di negeri itu pada Selasa.

Sungai berkenaan, antaranya ialah Sungai Triang di Jelebu, Sungai Rembau (Rembau), Sungai Muar (Kuala Pilah) dan Pengkalan Kempas (Port Dickson).

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, ia merupakan program tahunan JPNS bagi memastikan stok perikanan darat sentiasa mencukupi.

Menurutnya, pertambahan stok ikan di perairan umum merupakan program tahunan jabatan itu sebagai satu langkah memastikan stok ikan darat sentiasa mencukupi.

“Program pelepasan benih udang galah ini dapat memberi kesedaran kepada orang awam terhadap kepentingan memulihara ekosistem perikanan darat untuk generasi akan datang.

“Justeru, penting bagi JPNS mengambil langkah yang konsisten dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber perikanan darat kerana secara tidak langsung ia dapat meningkatkan sosio-ekonomi nelayan tempatan,” katanya dalam satu kenyataan.

350,400 benih udang galah dilepaskan

PORT DICKSON – Sebanyak 350,400 ekor benih udang galah dilepaskan di tujuh lokasi perairan umum di negeri ini semalam.

Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Dooreen Wee Siew Leen berkata, benih udang galah sumbangan Pusat Pembenhian Udang Galah, Kampung Aceh, Perak itu telah dilepaskan di sungai-sungai di tujuh daerah yang mempunyai taburan udang galah.

Menurutnya, ia termasuklah di Sungai Linggi di kawasan Pengkalan Kempas yang terkenal sebagai lubang 'sepit biru' itu.

"Program pelepasan benih udang galah ini akan memberi manfaat kepada nelayan darat dan pemancing-pemancing.

"Hari ini setiap daerah kami lepaskan kira-kira 50,000 ekor benih udang galah. Selepas lima hingga enam bulan, udang galah akan membesar dan boleh dipeoleh hasil," katanya di Sungai Linggi di Pengkalan Kempas, di sini semalam.

Tahun lalu sebanyak 123,921 ekor benih ikan air tawar seperti kelah, lampam sungai, baung ser-ta udang galah telah dilepaskan ke 19 lokasi di seluruh negeri ini.



AHLI Dewan Undangan Negeri Linggi, Datuk Mohd. Faizal Ramli (kanan) dan Siew Leen melepaskan benih udang galah di Sungai Linggi, Port Dickson semalam.

20/8/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30



ERWAN Shah Soahdi (kiri) memeriksa nelayan asing Vietnam yang ditahan dan dibawa Jeti Tok Bali, Pasir Puteh semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

Dua bot pukat Vietnam rompak hasil laut ditahan

PASIR PUTEH: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan menahan dua bot pukat tuna da ganding Vietnam selepas 'merompak' hasil laut negara sebanyak satu tan di lokasi 296 kilometer (km) dan 300 km dari Kuala Tok Bali di sini, Sabtu lalu.

Dalam operasi itu, Maritim Kelantan berjaya menahan 23 nelayan asing termasuk tekong berusia 16 hingga 55 tahun pada pukul 11 pagi.

Pengarah Maritim Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, pemeriksaan

yang dijalankan mendapati kesemua mereka tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri.

Menurutnya, kedua-dua bot itu dikesan dalam keadaan mencungkil kira-kira pukul 11 pagi sebelum bot pertama ditahan kira-kira 28 minit kemudian.

"Bot kedua pula ditahan pada pukul 12.14 tengah hari. Pemeriksaan awal mendapati, bot pertama mempunyai 17 awak-awak bersama seorang tekong manakala bot kedua seramai empat awak-awak, seorang tekong.

"Anggota penguat kuasa tu-

rut merampas 1,000 kilogram pelbagai hasil laut, peralatan menangkap ikan, navigasi dan komunikasi termasuk 2,500 liter bekalan diesel dengan anggaran keseluruhan bernilai kira-kira RM3 juta," kata beliau di Pejabat Maritim Malaysia Kelantan, Tok Bali di sini semalam.

Erwan Shah berkata, bot terbabit disyaki mencuri hasil laut yang akan diasiat di bawah Seksyen 15 (1)(a) kerana gagal memamerkan dokumen kebenaran menangkap ikan dengan kebanaran Ketua Pengarah Perikanan.



ABDUL HALIM ABU BAKAR (kanan) bersama seorang lagi petani melihat sawah padi yang merekah disebabkan kemarau di bendang Pingi Bochah Semak, Pasir Mas, Kelantan. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL

Kemarau: Pesawah rugi RM50,000

Oleh ROHANA ISMAIL
 dan kawasan berpanas. Petani-petani di kawasan ini banyak membantu disebabkan cuaca panas dan kering," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Kelidang Pejabat Semak, Abidin Yusoff, berkata, petani-petani di kawasan ini menghadapi sistem pengaliran yang baik menyebabkan sawah menjadi kering setiap tahun.

"Kalau petik, petik, maka petani-petani akan sabar sampai ke bulan Ramadan kerana jarkanya ter-lau patah.

"Musim kemarau sawah kering, musim tengkujuh pula petani diunggulkan banjir," yang diungkapkan oleh Yusoff.

"Sebagai mesyuarat petani, saya harap Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KAKMA) dapat mengambil segara sahaja menyelaraskan perkhidmatan air, khususnya masalah perkhidmatan air."

Menurutnya, para petani di sini sudah sehabis daya berusaha untuk menyelesaikan masalah air untuk mengairi sawah mereka. Namun, masalah ini tetap belum dapat diselesaikan.

Seorang petani, Ismail Mait Yusoff, 49, berkata, jika masalah tersebut berterusan, kemungkinan besar padi yang ditanamnya tidak mampu berbuah sepenuhnya.

Menurutnya, para petani di sini sudah sehabis daya berusaha untuk menyelesaikan masalah air untuk mengairi sawah mereka. Namun, masalah ini tetap belum dapat diselesaikan.

200 hektar sawah rosak!

Pesawah berdepan kerugian hingga puluhan ribu setiap seorang

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nifazlina@nstp.com.my

Pastr Mas

Lebih 50 pesawah membabitkan tanah padi seluas lebih 200 hektar di Kampung Air Duri, di sini, buntu apabila sebahagian besar sawah padi yang diusahakan rosak akibat ketidadaan air berikutan musim kemarau. Mereka mendakwa, sebahagian besar sawah diusahakan Disember lalu mulai rosak sejak dua minggu lalu, manakala sebahagian lagi hanya mampu bertahan seminggu sahaja.

Lebih malang, impian pesawah berkenaan yang mahu mengumpul wang juga tidak kesampaian, sebaliknya berdepan kerugian puluhan ribu ringgit setiap seorang. Tinjauan di kawasan berkenaan, mendapati tanah sawah di lokasi berkenaan kering dan meretakan, manakala tali air yang

menjadi punca air mereka juga kering kontang. Lokasi sawah berkenaan tidak sampai satu kilometer (km) dari Sungai Kelantan dan terdapat juga pam Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di Sungai berkenaan, namun penduduk mendakwa air tidak sampai ke sawah mereka.

Pesawah, Rasul Zulkifli, 26, berkata situasi yang berlaku kerana sudah mengering kerana musim kemarau berturut-turut telah mengalami kerugian akibat masalah air. "Saya mengusahakan sawah seluas enam hektar dan hampir keseluruhan sawah rosak. Tinggal sebahagian kecil sahaja masih selamat namun hanya mampu bertahan seminggu sahaja lagi."

"Saya buntu, modal dikeluarkan membabitkan puluhan ribu, beberapa ekor lembu juga sudah dijual kerana mahu diadakan modal padi dengan harapan mampu memperoleh keuntungan. "Namun sebaliknya berlaku apabila saya berdepan kerugian dan modal



MUSIM KEMARAU

2,630 pesawah Kelantan terjejas

Kota Bharu: Seramai 2,630 pesawah di Kelantan terjejas akibat musim kemarau. Mereka mendakwa, sebahagian besar padi yang diusahakan mereka Di-sembur lalu itu mulai rosak sejak dua minggu lalu, manakala sebahagian lagi hanya mampu bertahan seminggu sahaja.

Beliau berkata, tiga kawasan yang terjejas teruk adalah Pejabat Kada Jajoh, Pejabat Kada Baharu Utara, Kota Bharu Selatan dan Bachok serta selain sebahagian kecil di PKJ Tumpat, Pasir Mas dan Pasir Puteh.

"Urut pesawah yang terjejas, mereka terpaksa menggunakan sumber air dari telaga tub di berdepan terutamanya bagi kawasan yang tidak mempunyai sumber air alternatif."

Selain itu, pihak Kada juga memasang beberapa pam sokongan di kawasan sungai yang berhampiran, katanya ketika dihubungi, semalam.

Media melaporkan lebih 50 pesawah membabitkan tanah padi seluas 200 hektar di Kampung Air Duri, di sini, buntu apabila sebahagian

lesakan masalah kami yang ketidadaan air ini supaya dapat mengurangkan lebih banyak kerugian," katanya yang sepatutnya padi berkenaan dapat dituai pada akhir bulan depan.

Rakannya, Mohd Arif Mat Ghani, 30, yang mengusahakan sawah seluas 28 hektar sejak 15 tahun lalu berkata, dia berdepan kerugian hampir RM80,000 sekiranya masalah air tidak dapat diselesaikan dalam masa beberapa hari.

"Kadaan padi saya sudah tenat, sebahagian besar sudah bertukar kuning dan tidak boleh dibaja akibat tanah yang kering. "Saya berharap pihak Kada mampu menyelesaikan masalah air secepat mungkin bagi mengolok lebih ramai pesawah berdepan kerugian," katanya.

"Urut pesawah terjejas, mereka mendapatkan bekalan air menggunakan sumber air dari telaga tub di bendang"



RASUL (kiri) bersama Mohd Arif mengunjungi kawasan tali air yang kering akibat cuaca panas menyebabkan tanah padi seluas 200 hektar diusahakan mereka rosak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Timun Cina

PARA pekerja ladang di Kampung Telaga Papan, Setiu, Terengganu memungkah tembikai atau juga dikenali sebagai timun Cina yang menjadi antara buah-buahan 'wajib' semasa berpuasa ke dalam lori untuk dipasarkan. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY (Berita di muka 32)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Petani peroleh rezeki berganda jual tembikai

SETIU: Seorang petani di Kampung Telaga Papan di sini memperoleh rezeki berganda hasil jualan tembikai pada bulan Ramadan kali ini.

Ali Abd. Ghani, 56, berkata, permintaan terhadap buah pencuci mulut itu turut meningkat susulan cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

"Permintaan terhadap buah tembikai sentiasa ada sepanjang musim dan menjadi buah-buahan 'wajib' disajikan ketika berpuasa.

"Ditambah pula dengan cuaca panas, tembikai dapat menyegarkan badan dan sering menjadi pilihan orang ramai," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di ladangnya di Kampung Telaga Papan, di sini, semalam.

Beliau memberitahu, pokok tembikai yang ditanam di kawasan seluas 4.05 hektar itu mengeluarkan hasil yang memberangsangkan apabila ebit 100 tan metrik dituai semusim.

Dia mula menanam tembikai sejak Januari lalu dan hasilnya dapat dituai selepas 75 hari dan menjualnya pada harga RM2 sekilogram.